

Jakmas Kolej Kediaman E jayakan Minggu Seerat Salam

UB 27.9.2017 B3

JAWATANKUASA

Kebajikan Mahasiswa (Jakmas) Kolej Kediaman E telah menganjurkan Program Seerat Salam Sesi 2017/2018 selama seminggu bertempat di kolej berkenaan.

Program tahunan itu yang berlangsung sehingga Ahad bertujuan memperkenalkan Kolej Kediaman E serta pihak pengurusan kepada siswa siswi baharu yang telah mendaftarkan diri di

kolej itu.

Antara pengisian sepanjang Minggu Seerat Salam termasuklah Malam Pengenalan dan Taklimat Peraturan Kolej, Taklimat Kesihatan dan Malam Bersama Pemimpin, Malam Pengenalan Kelab, Ceramah Perdana dan Moral, Latihan dalam Kumpulan, Megarewang, Gotong-royong dan Malam Seribu Bintang yang merupakan malam penutupan bagi

program itu.

Pada Malam Seribu Bintang, lebih 2,000 pelajar telah membanjiri Anjung Perdana Kolej Kediaman E bagi bersama-sama memeriahkan majlis penutupan yang turut dihadiri Pengetua Kolej Dr Syahrudin Hj Awang Ahmad dan Timbalan Pengetua Mohd Hilmey Sali.

Dalam ucapannya, Syahrudin menyuarakan

harapan agar siswa siswi baharu dapat menjalankan tanggungjawab sebagai seorang pelajar dengan baik, seterusnya memperkuat dan menggandakan usaha untuk mencapai cita-cita yang diimpikan selama ini.

PARA pelajar membanjiri Kolej Kediaman E bagi sama-sama memeriahkan majlis penutupan.

